


TOUR CODE:  
CBU04-MH

6H4M

# beijing + universal studios



*Universal Studios Beijing adalah taman tema Universal Studio yang terbesar yang menawarkan 7 pelbagai taman tema!!!*

## Map



**Musim Panas:**  
Jun - Ogos



**Musim Luruh:**  
Sept - November



**Musim Sejuk:**  
Disember - Feb



**Musim Bunga:**  
Mac - Mei



**CHINESE YUAN:**  
CNY 1



**RINGGIT**  
**MALAYSIA:**  
MYR 0.65



**PERBEZAAN WAKTU**  
**CHINA: GMT+8**

## TOUR HIGHLIGHTS


1



### UNIVERSAL STUDIOS BEIJING:

Masa bersiar-siar di sekitar yang menawarkan pelbagai tarikan yang menarik seperti Harry Potter, Kungfu Panda dan Minion Land.


2



### ACROBATIC SHOW:

Berpeluang menyaksikan persembahan dengan ilusi dan mistik.

3



### SUMMER PALACE:

Dapat menikmati pemandangan flora yang cantik dan panorama sekitar tasik yang mengagumkan seperti Wenchang Pavilion, Foxiang Ge Tower.

4



### WANGFUJING STREET:

Terkenal dengan pelbagai jenis kedai menjual barang moden dan antik, gerai makanan.

## HOTEL PENGINAPAN | 3 Hotel

| BANDAR  | HOTEL/SETARAF        | BIL. MALAM |
|---------|----------------------|------------|
| Beijing | Bright Culture Hotel | 4 Mlm      |

## JADUAL PENERBANGAN

**malaysia airlines**

| HARI | PESAWAT | SEKTOR    | ETD  | ETA    |
|------|---------|-----------|------|--------|
| 1    | MH 318  | KUL - PKX | 2340 | 0600+1 |
| 6    | MH 319  | PKX - KUL | 1000 | 1630   |



# 6H4M BEIJING + UNIVERSAL STUDIOS

HARI  
**01** KUALA LUMPUR -  
BEIJING

Berkumpul di KLIA Terminal 1 dan menaiki penerbangan ke Beijing.

HARI  
**02** BEIJING MT/MM

Lawatan di Beijing:

- Melawat **Tiananmen Square** yang merupakan sebuah dataran yang penuh dengan sejarah. Antaranya adalah tragedi demonstrasi pro demokrasi para pelajar universiti pada tahun 1989. Di sini terdapat binaan penting seperti Monument to the People's Heroes, Great Hall of the People dan Gate of Heavenly Peace selain Mausoleum of Mao Zedong dan National Museum of China.
- **Forbidden City:** Kompleks istana berusia lebih 600 tahun yang dibina pada tahun 1406 semasa Dinasti Ming. Kota istana yang dikelilingi tembok setinggi 8m dan parit ini menjadi kediaman dan pusat pemerintahan maharaja China sehingga tahun 1924. Kompleks istana ini terbahagi kepada 2 bahagian; Outer dan Inner Court. Tetamu pastinya merasa kagum dengan senibina China sebaik sahaja melangkah masuk melalui Meridian Gate. Tarikan paling utama di kota ini ialah Hall of Supreme Harmony yang menjadi dewan menghadap maharaja China dan perkahwinan diraja, disamping Palace of Heavenly Purity yang menjadi balai mesyuarat maharaja dan pembesar.
- Menyaksikan persembahan penuh dengan illusi, mistik dan mendebaran di **Acrobatic Show** pada sebelah petang. Bermalam di Beijing.

HARI  
**03** BEIJING SP/MT/MM

- Melihat cara pembuatan batu Jade yang menjadi perhiasan penting tradisi orang China di **Jade Center**.
- **Great Wall of China:** Tembok pertahanan yang dikira sebagai salah satu keajaiban dunia ini dibina seawal kurun ke-7 sebelum masih dan dipanjangkan oleh maharaja-maharaja yang memerintah negara China sehingga mencapai sepanjang 21,000 km. Tetamu akan dibawa melawat ke salah satu seksyen yang dipanggil Juyongguan Great Wall yang dibina oleh Dinasti Ming pada 1368. Di seksyen ini berlakunya banyak peperangan dan pertukaran dinasti kerana tembok Juyongguan ini dibina bagi mempertahankan kota Beijing. Di sini juga tetamu dapat menikmati pemandangan indah pergunungan Guangou dan sungai.
- Lawatan ke **Burning Cream Center**, sebuah toko perubatan tradisional China yang menggabungkan pelbagai herba yang digunakan turun-temurun.

- Melawat **Bird Nest Stadium** yang merupakan sebuah stadium ikonik pada Sukan Olimpik Beijing 2008. Ini kerana rekabentuknya sangat unik seakan berbentuk sarang burung, di mana struktur luaran stadium diperbuat daripada besi keluli yang dianyam menghasilkan corak seperti jerji.
- Berfoto di **Water Cube** yang merupakan salah satu lokasi acara Olimpik berbentuk kiub besar buih sabun dan kini telah diubah-suai menjadi taman air dan juga sebagai taman beriadah.
- Masa bebas untuk bersiar-siar dan membeli-belah di **Wangfujing Street** yang merupakan kawasan membeli-belah yang terbesar dan paling terkenal di China yang wujud beratus tahun dahulu sejak dari zaman Dinasti Ming lagi. Pelbagai jenis kedai menjual barang moden dan antik, gerai-gerai makanan selain pusat beli-belah Beijing Mall dan Beijing Department Store.

Bermalam di Beijing.

HARI  
**04** BEIJING SP

- Masa bebas untuk berhibur dan bermain bersama keluarga di taman tema **Universal Studios Beijing** yang menawarkan pelbagai tarikan yang menarik. Antara tarikan di situ ialah The Wizarding World of Harry Potter - Hogsmeade, Minion Land, Kung Fu Panda Land of Awesomeness dan banyak lagi.

HARI  
**05** BEIJING SP/MT/MM

- Masa bebas untuk membeli-belah di **Hong Qiao Market**, kompleks membeli-belah terkenal hiasan permata boleh didapati disini. Selain itu, terdapat juga barang elektronik, jam tangan, tas tangan, dan lain-lain lagi.
- Bersolat di masjid yang tertua di Beijing, **Niujie Mosque** yang dibina pada tahun 996 ketika Dinasti Liao. Senibina masjid ini merupakan seni campuran ukiran Islam dan kaum Han, dan disini ada disimpan kitab Al-Quran yang berusia lebih 300 tahun. Masjid ini hampir musnah diserang tentera Genghis Khan pada 1215 tetapi telah dibaik pulih pada 1443 ketika Dinasti Ming.
- Membeli-belah di **Muslim Supermarket**, dimana tetamu boleh mendapat barang yang halal seperti rempah-ratus, sayur-sayuran, produk tenusu, roti dan juga kacang-kacang seperti buah berangan, almond dan lain-lain.
- Membeli-belah di **Xiushui Street** juga dikenali sebagai **Silk Street**. Sesuai namanya, kawasan ini terkenal menjual kain pakaian sutera dan di sini terdapat Silk Market yang setinggi 6 tingkat dengan lebih 1,000 buah kedai yang menjual pelbagai jenis barang dan cenderamata selain sutera.

HARI  
**06** BEIJING -  
KUALA LUMPUR SP

Menaiki penerbangan pagi pulang ke Kuala Lumpur.